

# **RANCANGAN PERNIAGAAN ASAS KEUSAHAWANAN ( ETR300 )**



## **INTER HOME ENTERPRISE**

**Disediakan oleh:**

Abdul Latif Mohd Said  
(97371996)  
Mohamad Hairil Rafizi Md Rajab  
(97384376)  
Mohd Noor Effendy Johan  
(97417627)  
Nizam Ahmad  
(97417673)

Diploma Pengurusan Bank  
Universiti Teknologi MARA  
Kampus Sungai Petani  
P.O. Box 187  
08400 Merbok  
Kedah Darul Aman.



## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah

Peti Surat 187

08400 Merbok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300

Fax: 04-457 4355

Surat Kami : 500-KDH(MEDC. 15/2/1)  
Tarikh : 2/1/2020

### KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

**Pelajar-pelajar berkenaan ialah:**

- |                                       |           |
|---------------------------------------|-----------|
| 1. MOHD NOOR EFFENDY BIN JOHAN        | -97417627 |
| 2. MOHAMAD HAIRIL RAFIZI BIN MD RAJAB | -97384376 |
| 3. ABD LATIF MOHD SAID                | -97371996 |
| 4. NIZAM AHMAD                        | -97417673 |

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**MOHD. AZHAR OSMAN**

Koordinator

b/p. Provos

## **ISI KANDUNGAN**

m/s

1. Surat Kebenaran	
2. Surat Penyerahan RP	ii
3. Surat Permohonan Pinjaman	v
4. Sekapur Sirih Sekacip Pinang	vii
5. Ringkasan	ix
6. PENGENALAN PERNIAGAAN	1-26
7. RANCANGAN ORGANISASI	27-43
8. RANCANGAN PEMASARAN	44-81
9. RANCANGAN OPERASI	82-99
10. RANCANGAN KEWANGAN	100-119
11. RUMUSAN	120
12. LAMPIRAN	



## **Ringkasan**

Inter Home Enterprise ditubuhkan secara perkongsian yang terdiri daripada 4 rakan kongsi dan akan mula beroperasi pada 10 Januari 2002 di no. 15 Tingkat 1, Lengkok Cempaka 1, Persiaran Cempaka 08000 Bandar Aman Jaya, Sungai Petani Kedah Darul Aman. Secara umumnya, perniagaan ini berteraskan kepada mengubah suai serta mereka hiasan dalaman rumah. Perniagaan ini di mulakan dengan modal sebanyak RM 120'000. Perniagaan ini menawarkan 4 pakej untuk hiasan dalaman yang berlainan iaitu klasik, timur, Inggeris dan moden dan dijangkakan akan mendapat sambutan yang menggalakan daripada para pelanggan.



## PROFIL INDUSRTI

Dalam arus kemajuan pembangunan, sektor perniagaan hiasan dalaman berkembang pesat sejajar dengan pembangunan sektor perumahan. Ini terbuktinya dengan perlaksanaan kempen pemilikan rumah pertama yang mendapat sambutan yang menggalakan sehingga kempen pemilikan rumah kedua di lancarkan sejurus selepas itu.

Perniagaan hiasan dalaman merupakan satu jenis perniagaan yang berkembang pesat pada hari ini seiring dengan permintaan rumah kediaman dari semasa ke semasa. Hiasan dalaman memainkan peranan yang penting kerana ia dapat melahirkan suasana yang damai dan harmoni dan dengan ini dapat mewujudkan suasana " RUMAH KU SYURGA KU".

Perkembangan sektor perumahan berkembang pesat dari semasa ke semasa terutamanya di kawasan utara semenanjung. Mengikut perangkaan statistik permintaan rumah kediaman, negeri Kedah mencatatkan tempat kedua tertinggi selepas negeri Johor. Ini kerana kedudukan negeri yang strategik yang terletak di antara dua buah negeri yang pesat membangun terutamanya Pulau Pinang. Faktor pertambahan penduduk memainkan peranan yang penting dalam permintaan rumah kediaman di samping kos sara hidup yang tinggi di Pulau Pinang menjadikan permintaan rumah di Kedah semakin meningkat dari hari ke hari.